

DE 14.3.2018 1

# UMS bakal miliki resort pengajar

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal memiliki sebuah resort pengajar bertujuan memberi latihan dan pengalaman langsung kepada pelajarnya yang mengambil jurusan perhotelan dan pelancongan.

Resort pengajar berkonsepkan alam semula jadi dengan gabungan kontemporari itu akan dibangunkan oleh Traverse Tours Sdn. Bhd, sebuah syarikat Bumiputera yang berkecimpung dalam industri pelancongan hampir 30 tahun, sekali gus menjadikan UMS sebagai universiti pertama memiliki resort pengajar sendiri.

Kerjasama bagi membangunkan resort pengajar itu terjalin menerusi sebuah Memorandum Perjanjian (MoA) yang ditandatangani antara kedua-dua pihak dalam satu majlis yang diadakan, di sini pada Selasa.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. D Kamaruddin D Mudin, dalam kenyataan diedarkan kepada pemberita, berkata resort pengajar itu bakal memberi nilai tambah kepada pelajar bidang perhotelan dan pelancongan UMS dalam memenuhi pasaran kerja dan industri.

“Resort pengajar itu akan menyediakan kemudahan 30 unit chalet berkonsepkan mesra alam berserta

restoran dan spa yang bakal menarik pelancong luar dan tempatan untuk menginap di tepi pantai di kelilingi suasana kampus,” katanya.

D.Kamaruddin berkata kerjasama antara UMS dan pihak industri bagi membangunkan resort pengajar itu adalah selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi yang mahu memperkasa konsep industri dalam kampus.

Beliau berkata Revolusi Industri 4.0 akan turut ditekankan dalam operasi resort pengajar itu sebagai usaha memberi dimensi baharu kepada konsep pembelajaran alaf baharu. – Bernama